

DERAF TEKS UCAPAN

YANG BERHORMAT

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

TETAMU KEHORMAT

SEMPENA KONSERT DIRGAHAYU NEGARA KU MERDEKA
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-27

ANJURAN
BADAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN DAERAH TUTONG
(B2K DAERAH TUTONG)

26 JAMADILAKHIR 1432
30 MEI 2011

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahai Rabbil'alamin Wassalatu Wassalamu Asyrafil
Mursalin
Saidina Muhammadin Wa'ala alihi Wasahbihi Ajma'in

Yang Mulia
Awang Haji Yahya bin Bendahari Haji Ghafar
Yang Di-Pertua
Badan Kesenian dan Kebudayaan Daerah Tutong

Yang Mulia
Awang Haji Sufian bin Haji Bungsu
Pemangku Pegawai Daerah Tutong

Para Ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Badan Kesenian dan
Kebudayaan Daerah Tutong (B2K)

Dan para hadirin

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh dan Salam
Sejahtera

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya sukacita merakamkan
penghargaan dan menyampaikan ucapan terima kasih
kepada Badan Kesenian dan Kebudayaan Daerah Tutong,
kerana menjemput saya hadir ke Konsert Dirgahayu Negara
Ku Merdeka sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara
Brunei Darussalam yang ke-27 dan juga pelancaran dua
buah buku Antologi Puisi terbitan Badan Kesenian dan
Kebudayaan Daerah Tutong pada malam ini.

Aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan seperti ini
mendukung dan membantu usaha-usaha Kementerian
Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam meneruskan
kelangsungan dan menegaskan identiti bangsa agar ciri-ciri
khusus keBruneian itu terus dihidupkan, dijelmakan secara

nyata, dihayati dan diperjuangkan oleh generasi-generasi seterusnya.

Dalam era globalisasi budaya dan warisan bangsa samada yang dalam bentuk nyata (tangible) dan tidak nyata (intangible) perlu di kekalkan dan kembangkan dengan melakukan konservasi dan menjadikannya tetap relevan dengan semangat zaman mengikut kaedah **penerusan dan perubahan (continuity and change)** yang berlandaskan kepada konsep Islam Melayu Beraja.

Hadirin yang di hormati sekalian,

Konsert Dirgahayu Negara Ku Merdeka pada malam ini merupakan salah sebuah pementasan yang bukan saja berunsur hiburan tetapi juga membangkitkan semangat kesetiaan kepada Raja, bangsa, agama dan negara kerana terdapatnya unsur-unsur patriotisme di dalam isi penyampaian persembahannya.

Pendekatan seumpama ini adalah sangat bermanfaat bagi masyarakat dan hidup berbangsa dan bernegara. Ini kerana kebudayaan dan kesenian dapat melahirkan insan-insan yang kreatif yang dapat berperanan memberikan kesedaran berbangsa dan bernegara kepada masyarakat umum. Dalam waktu yang sama melalui budaya dapat menyumbang kearah menjamin kejutan bangsa, menggerakkan kehidupan bangsa, membentuk dan membina keperibadian bangsa dan mengatur kehidupan bangsa.

Hidup sebagai negara dan bangsa yang merdeka dan berdaulat memerlukan kita semua untuk menjiwai identiti bangsa kita. Pada hakikatnya, identiti bangsalah yang

mengisi dan mengatur tatacara hidup kita yang berteraskan kepada konsep Melayu Islam Beraja.

Hadirin yang di hormati sekalian,

Aspek-aspek dan ciri-ciri kebudayaan dan kesenian tidak terhad kepada persembahan tarian dan muzik, pementasan, dan penampilan lukisan dan pertukangan tangan yang serba indah lagi gemilang.

Malahan kebudayaaan dan kesenian juga merangkumi luahan karya lisan dan tulisan di mana di dalamnya terbahagi beberapa kategori seperti puisi, essei, cerpen, kesusteraan bertulis, dan sebagainya.

Sehubungan dengan konteks ini, penerbitan dua buah buku Antologi Puisi yang dilancarkan pada majlis ini adalah diantara saluran kebudayaan yang dapat meningkatkan semangat kebangsaan dan nasionalisme.

Ia juga adalah usaha yang memperkayakan kesusasteraan bangsa kita. Kewujudan buku-buku karya yang diisi dengan nilai-nilai seni yang penuh artistik akan mendorong masyarakat untuk mencurahkan lagi cetusan daya ilham berkarya agar bilangan kesusteraan bertulis bertambah dari masa ke semasa.

Inilah salah satu cara kita menjelmakan hidup berbudaya dan berseni yang mencerminkan masyarakat yang bertamadun dan cemerlang di dalam mengolah kehidupan bernegara. Di mata negara-negara lain, kita dilihat bukan saja dari segi kebendaan dan keimanan, tetapi juga dari segi sejauh manakah keupayaan kita memperkaya kebudayaan dan kesenian kita yang berpaksikan kepada konsep Islam Melayu Beraja.

Maka dengan ini pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyeru agar ramai lagi badan-badan kebudayaan dan kesenian tampil ke hadapan dengan cetusan daya ilham berkarya mereka. Sesungguhnya, hidup bernegara akan sentiasa tidak sunyi sepi dengan kehadiran aspek-aspek kebudayaan dan kesenian yang membangkitkan semangat kebangsaan.

Maka dengan melafazkan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim saya dengan amat sukacita merasmikan Konsert Dirgahayu Negara Ku Merdeka dan Pelancaran Dua Buah Buku Antologi Puisi Terbitan Badan Kesenian dan Kebudayaan Daerah Tutong.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh